



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH
KAMPUS SUNGAI PETANI**

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon **Bumiputera Warganegara Malaysia** yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan Pentadbiran di UiTM Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani secara **Tetap**.

JAWATAN : PENGAWAL KESELAMATAN (KP11)

Klasifikasi Perkhidmatan : Keselamatan dan Pertahanan Awam

Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
KUMPULAN PELAKSANA					
1.	Pengawal Keselamatan	KP11	Pengawal Keselamatan	RM 1205.00	RM 2939.00

KUMPULAN PELAKSANA

1) PENGAWAL KESELAMATAN (GRED KP11)

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11: RM1205.00);
atau
(ii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11: RM1205.00)

dan

- (d) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
 - (i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - (v) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (vi) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar

2. Calon bagi lantikan dengan kelayakan di perenggan 1(c)(i) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- (a) Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan dengan salinan rekod perkhidmatan yang dikemas kini.
- (b) Setiap permohonan **MESTILAH** disertakan dengan salinan kad pengenalan dan sijil-sijil yang disahkan benar dari salinan asal.
- (c) Hanya permohonan yang di senarai pendek akan dipanggil untuk temu duga. Pemohon yang dipanggil **TEMU DUGA SAHAJA** perlu membawa dokumen-dokumen asal dan salinan sijil-sijil yang telah **DISAHKAN** untuk diserahkan kepada Setiausaha Temu Duga.
- (d) Pemohon yang tidak menerima jawapan daripada pihak universiti selepas tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.
- (e) Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.

CARA- CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- (a) Permohonan hendaklah dibuat di dalam **Borang Perjawatan UiTM** yang boleh didapati dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani di <http://www.kedah.uitm.edu.my/v1/> dan juga boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran, UiTM Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani.
- (b) Setiap permohonan yang dihantar hendaklah ditulis nama jawatan yang dipohon di sebelah kiri (atas) sampul surat.
- (c) Tarikh tutup permohonan adalah pada **19 Februari 2018 (Isnin)**.
- (d) Sila kemukakan permohonan kepada :



**UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA**

**KETUA
BAHAGIAN PENTADBIRAN
UiTM CAWANGAN KEDAH
KAMPUS SUNGAI PETANI
08400, MERBOK
KEDAH DARUL AMAN**

NO. TEL: (04) 4562054 / 2056 / 2059